

**PANDUAN PELAKSANAAN PRAKTIKUM
KURSUS HUBUNGAN ETNIK (SHE101/2)
SEMESTER I, SIDANG AKADEMIK 2016/2017**

Penyelaras (di Pusat Pengajian): Dr. Yazariah Mohd Yatim

Kuliah: Dikendalikan oleh staf akademik Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan.

Penyeliaan: Dikendalikan oleh staf akademik Pusat Pengajian Sains Matematik.

Semua staf terlibat, kecuali mereka yang bercuti sabatikal dan menjadi tutor kursus WUS101.

PENGENALAN

Kursus ini bernilai 2 unit dan kursus **WAJIB** untuk semua pelajar USM. Ia merupakan sebahagian kursus Universiti (kod U) dan gred minimum yang harus dicapai oleh pelajar ialah gred C; pelajar yang gagal mencapai gred minimum wajib mengulang kursus ini sehingga mencapai gred yang dikehendaki. Pelajar-pelajar Tahun Dua akan mengambilnya pada Semester 1.

PERTEMUAN

Kursus ini dikendalikan dalam dua bentuk iaitu:

- Kuliah (14 minggu)
- Tutorial/Praktikum/Penyelidikan/Kerja Lapangan

TUJUAN KURSUS

1. Meningkatkan kefahaman berkenaan permuafakatan sosial di Malaysia dan asas keharmonian hubungan etnik.
2. Meningkatkan kefahaman pelajar terhadap cabaran kepelbagaian hubungan etnik dan budaya di Malaysia.
3. Memberi kefahaman dan kesedaran tentang konsep hubungan etnik dalam masyarakat berbilang agama dan kepercayaan.
4. Melibatkan pelajar dalam pengalaman pembelajaran yang kreatif terhadap masyarakat kepelbagaian etnik.

SINOPSIS

1. Kursus ini memfokuskan perbincangan tentang konsep asas hubungan etnik dan budaya.
2. Meneliti perkembangan hubungan etnik di Malaysia.
3. Memahami masyarakat Malaysia menurut acuan Malaysia dan hubung jalin antara wilayah ASEAN.
4. Memahami dan menangani cabaran global dalam hubungan etnik dan budaya di peringkat Malaysia dan Asia.

PENILAIAN KURSUS

Penilaian ialah dalam dua bentuk iaitu:

1. Peperiksaan Akhir (40%)

- 1 jam peperiksaan
- 40 soalan berbentuk objektif (mungkin akan berubah)

2. Praktikum (60%)

- Praktikum menyumbang markah sebanyak 60% daripada markah keseluruhan kursus ini.
- Pelajar akan dibahagikan kepada kumpulan.
- Setiap kumpulan dikehendaki menyediakan satu projek mengenai budaya/adab/sejarah/agama/amalan kaum etnik tertentu.
- Pelajar akan memberi cadangan tajuk kepada penyelia dan penyelia akan menentukan kesesuaian tajuk tersebut.
- Projek tersebut akan dinilai berdasarkan kepada komponen-komponen berikut pada kadar asas 100%. Markah tersebut akan dipuratakan ke kadar 60%.

KERTAS CADANGAN PROJEK Kandungan: Pengenalan, objektif, metodologi, hasil projek yang dijangkakan dan peranan ahli dalam projek tersebut Jumlah muka surat: Tidak melebihi 5 muka surat	20%
LAPORAN AKHIR	80%

- Penilaian komponen praktikum dan peperiksaan akhir dibuat dalam bentuk **GRED**.
- Persembahan (pilihan) – Pada akhir kursus ini, penyelia boleh mencadangkan kumpulan yang difikirkan layak untuk membuat persembahan projek pada akhir semester. Pelajar boleh mempersembahkan projek mereka dalam bentuk klip video, slaid Power Point, persembahan, pementasan, taridera, drama pentomen dan pelbagai teknik persembahan yang bersesuaian dengan konsep kertas kerja projek yang dihasilkan.

PENYELIAAN DAN PEMANTAUAN PRAKTIKUM

Aktiviti praktikum dijalankan dalam bentuk gerak kerja luar bilik kuliah, maka sistem pemantauannya adalah berasaskan interaksi penyelia dengan kumpulan pelajar seliaannya.

- Praktikum akan dijalankan secara berkumpulan.
- Setiap kumpulan akan diselia oleh seorang pensyarah yang dilantik oleh Pusat Pengajian.
- Pelajar boleh mendapatkan nama penyelia kumpulan pada awal semester. Senarai kumpulan praktikum dipaparkan di papan kenyataan Pejabat Am, Pusat Pengajian Sains Matematik.
- Setiap kumpulan dikehendaki menjalankan kajian dan menyediakan satu projek mengenai budaya/amalan kumpulan etnik tertentu.
- Setiap kumpulan akan memilih tajuk projek mengikut tema tertentu dengan nasihat penyelia.
- Setiap kumpulan perlu menyediakan kertas cadangan projek dan perancangan aktiviti kepada penyelia.
- Penyelia akan memantau kemajuan aktiviti praktikum. Pelajar dinasihatkan berjumpa dengan penyelia dari semasa ke semasa bagi mendapatkan panduan.
- Pada akhir kursus, setiap kumpulan perlu menyerahkan laporan akhir kepada penyelia beserta sesalinan lembut (*soft copy*) laporan dan Borang Penghantaran Laporan Praktikum.

LAPORAN AKHIR

Kandungan

- Abstrak
- Pengenalan
- Objektif kajian
- Metodologi/Kaedah yang digunakan
- Dapatan kajian dan analisisnya
- Kesimpulan

Perincian Penyediaan Laporan Akhir

- Satu kertas laporan bertulis
- Jumlah muka surat: 15 hingga 25 muka surat (tidak termasuk lampiran)
- Saiz fon: 12 (Times New Roman)
- Bertaip selang dua baris

Laporan akhir diserahkan beserta *soft copy* laporan (dalam bentuk CD) dan Borang Penghantaran Laporan Praktikum yang lengkap diisi.

PERSEMBAHAN (pilihan – tidak diwajibkan)

- Pembentangan slaid Power Point
- Persembahan klip video/iklan/poster/laman web
- Idea-idea lain yang diluluskan oleh Pusat Pengajian

PANDUAN TOPIK PRAKTIKUM

Pelajar bebas memilih tajuk (dengan panduan penyelia) mengikut minat dan kesesuaian. daripada senarai tema seperti budaya, sejarah, adat resam, kesihatan dan perubatan tradisional, politik, sukan dan permainan tradisional, sosio-ekonomi, agama dan sistem kepercayaan, makanan, kekeluargaan, kesenian/kraf, senibina, seni-budaya, pantang larang, bahasa dan dialek.

GARIS PANDUAN PEMILIHAN TAJUK DAN PELAKSANAAN PRAKTIKUM

- Pelajar dinasihatkan agar memilih tajuk/aktiviti yang tidak melanggar akidah/kepercayaan agama masing-masing.
- Tajuk/aktiviti pelajar tidak boleh membangkitkan isu-isu sensitif mana-mana pihak/kumpulan etnik.

PEMBIAYAAN

Sekiranya pelaksanaan aktiviti projek melibatkan kewangan atau sebarang kos yang lain, ia hendaklah ditanggung oleh kumpulan pelajar sendiri.

PERINGATAN

**GRED F (GAGAL) AKAN DIBERI JIKA DIDAPATI PELAJAR
PLAGIAT DARIPADA BAHAN RUJUKAN ATAU INTERNET**

**JADUAL PELAKSANAAN PRAKTIKUM
KURSUS HUBUNGAN ETNIK (SHE101/2)
SEMESTER 1, SIDANG AKADEMIK 2016/2017**

MINGGU	TARIKH	AKTIVITI
0	22/8/2016 – 4/9/2016	Pelajar mendapatkan maklumat pelaksanaan kursus SHE101 melalui laman web/Facebook PPSM
1	5/9/2016 – 11/9/2016	Pertemuan pelajar dengan penyelia * Sila rujuk papan kenyataan penyelia (pensyarah) masing-masing untuk notis perjumpaan pertama
2	12/9/2016 – 18/9/2016	Perbincangan dalam kumpulan dan penetapan tajuk projek bersama penyelia
3	19/9/2016 – 25/9/2016	Penyediaan kertas cadangan projek
4	26/9/2016 – 2/10/2016	Kertas cadangan projek dihantar kepada penyelia (Markah penilaian: 20%)
5	3/10/2016 – 9/10/2016	Kajian lapangan
6	10/10/2016 – 16/10/2016	
7	17/10/2016 – 23/10/2016	
8	24/10/2016 – 30/10/2016	CUTI PERTENGAHAN SEMESTER
9	31/10/2016 – 6/11/2016	Penulisan laporan akhir
10	7/11/2016 – 13/11/2016	
11	14/11/2016 – 20/11/2016	Pengemaskinian dan penyemakan laporan akhir
12	21/11/2016 – 27/11/2016	
13	28/11/2016 – 4/12/2016	Laporan akhir diserahkan kepada penyelia (Markah penilaian: 80%)
14	5/12/2016 – 11/12/2016	Penilaian dan pemarkahan oleh penyelia
15	12/12/2016 – 18/12/2016	Penyelia menyerahkan gred kepada Puan Zalem beserta <i>soft copy</i> laporan akhir (dalam bentuk CD) dan Borang Penghantaran Laporan Praktikum
16	19/12/2016 – 25/12/2016	MINGGU ULANG KAJI